

Rakyat Malaysia raih hingga RM64,000 sebulan

Diaspora Malaysia di Singapura, Brunei jadi pekerja mahir, separa mahir

Oleh **NOR SYAMIRA LIANA**
NOR ASHAHA
SHAH ALAM

Dianggarkan sebanyak 66.7 peratus rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura menerima pendapatan antara S\$1,500 (RM5,330) hingga S\$3,599 (RM12,780) sebulan manakala 18.5 peratus menerima S\$3,600 (RM12,800) hingga S\$9,999 (RM35,530) sebulan.

Bagi yang bekerja di Brunei pula, 41.3 peratus menerima gaji kasar bulanan antara B\$1,000 (RM3,550) hingga B\$3,000 (RM10,660) dan 43.5 peratus lagi menerima gaji kasar bulanan antara B\$3,001 (RM10,670) hingga B\$10,000 sebulan (RM35,550).

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, dapatan berkenaan diperoleh menerusi dua kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) iaitu Kajian Diaspora Malaysia di Brunei Darussalam pada tahun 2023 dan Kajian Perlindungan Keselamatan Sosial Rakyat Malaysia Bekerja Di Luar Negara: Singapura pada tahun 2022.

"Jumlah gaji kasar bulanan tertinggi yang direkodkan di Singapura adalah S\$18,000 (RM64,000) dan B\$15,000 (RM53,300) di Brunei," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu, Mohd Uzir menjelaskan, analisis berkenaan mendapati lebih daripada separuh rakyat Malaysia



Mercu tanda Bandar Seri Begawan, Brunei (kiri) dan Tambak Johor (kanan) dekat Singapura. Lebih sejuta rakyat Malaysia kini bekerja di kedua-dua negara.



MOHD UZIR

hanya mempunyai kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setara dan mereka bekerja sebagai pekerja mahir dan separa mahir.

Beliau berkata, pekerja yang mempunyai kelulusan sarjana muda dan bekerja sebagai pekerja mahir di kedua-dua negara itu, majoritinya berumur 25 tahun hingga 34 tahun.

Menurut Mohd Uzir, majoriti daripada pekerja Malaysia di kedua-dua negara merancang untuk meneruskan pekerjaan di negara terbabit.

"Selain itu, turut didapati kecenderungan rakyat Malaysia yang bekerja di Brunei untuk berhijrah lebih tinggi berbanding dengan rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura.

"Antara faktor utama rakyat Malaysia memilih untuk bekerja di Singapura atau di Brunei kerana peluang pekerjaan dan persekitaran kerja baik, gaji lebih lumayan serta kadar pertukaran mata wang Singapura dan Brunei yang tinggi," katanya.

Jelas Mohd Uzir, analisis terperinci menerusi kajian berkenaan turut me-

nunjukkan bahawa rakyat Malaysia mempunyai peluang untuk terus memilih bekerja di luar negara.

Menurutnya, pekerja dengan kelulusan tertier turut diiktiraf di peringkat antarabangsa dan ia memberikan peluang kerjaya lebih luas kepada warganegara malah sebagai satu pengiktirafan kepada institusi pengajian tinggi awam dan swasta di Malaysia.

"Walaupun situasi ini akan menunjukkan impak negatif terutama isu *brain drain* iaitu Malaysia kehilangan tenaga pakar dan juga kerugian kewangan kerana majoriti yang bekerja di luar negara adalah hasil daripada sistem pendidikan Malaysia.

"Sewajarnya Malaysia tidak boleh menjadikan isu *brain drain* ini sebagai isu negatif tetapi menukarkan kepada konsep *brain circulation*, iaitu diaspora Malaysia akhirnya akan kembali semula ke Malaysia selepas satu tempoh yang dirancang oleh mereka," katanya.

Pada Mac 2023, Menteri Sumber Manusia ketika itu, V Sivakumar memberitahu terdapat seramai 1.86 juta rakyat Malaysia bekerja dan menetap di luar negara dengan 1.13 juta bekerja di Singapura.



RAKYAT MALAYSIA DI SINGAPURA DAN BRUNEI

SINGAPURA

BRUNEI

TUJUAN UTAMA

- 47.4% Perniagaan
- 23% Latihan & penyelidikan
- 17.1% Pendidikan
- 10.1% Berkahwin dengan warga Singapura

- 39.4% Berkahwin dengan warga Brunei
- 31.6% Urusan keluarga
- 16.4% Perniagaan
- 9.4% Mengikut pasangan bekerja di Brunei

JANTINA

- 62% lelaki
- 38% perempuan

- 67% lelaki
- 33% perempuan

UMUR

- 48% 25-39 tahun
- 32% 40 tahun ke atas
- 20% bawah 20 tahun

- 49% 40 tahun ke atas
- 37.6% 25-39 tahun
- 5.9% bawah 20 tahun

KAUM

- 46.2% Cina
- 40.2% Melayu
- 11.3% India

- 44% Melayu
- 31.4% Cina
- 19% Bumiputera Sabah dan Sarawak

PENDIDIKAN

- 36% SPM
- 22.8% STPM
- 15.6% Diploma
- 12.2% Sarjana Muda

- 29% Sarjana Muda
- 23.8% SPM
- 18.4% Diploma
- 5.3% STPM

NEGERI ASAL

- 38.3% Johor
- 12.3% Kedah
- 9% Perak

- 40.3% Sarawak
- 15.4% Sabah
- 9.1% Johor

KATEGORI PEKERJAAN

- 39% mahir
- 35% separuh mahir
- 26% kemahiran rendah

- 68% mahir
- 24.1% separuh mahir
- 7.9% kemahiran rendah

PEKERJAAN UTAMA

- 24% perkeranian
- 20% profesional
- 15% operator mesin
- 15% juruteknik
- 12% pekerja perkhidmatan dan jualan

- 15.2% profesional - jurutera
- 12.4% juruteknik
- 9.3% pengurus
- 6.2% perkeranian
- 5.5% guru

GAJI KASAR BULANAN

- 66.7% S\$1,500-S\$3,599
- 18.5% S\$3,600-S\$9,999
- 13.3% S\$1,499 ke bawah
- 1.2% S\$10,000-S\$17,999
- 0.2% S\$18,000 ke atas

- 43.5% B\$3,001-B\$10,000
- 41.3% B\$1,001-B\$3,000
- 10.4% B\$1,000 ke bawah
- 4.8% B\$10,001-B\$15,000